




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **95 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **53,138 kes**. Pada hari ini, satu (1) kes kematian dilaporkan iaitu di daerah Putatan. Takziah kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Pada hari ini, seramai 94 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembah 51,615 orang. Pada hari ini juga sejumlah 690 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 253 orang di hospital, 430 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan tujuh (7) orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 31 orang dan 13 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Papar berubah dari zon kuning ke zon jingga, manakala Beluran dari zon jingga ke zon kuning.

- 4 Pada hari ini, tiada kluster baharu direkodkan.
- 5 Daripada 95 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 61 kes (64.2%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala enam (6) kes (6.3%), saringan kluster sedia ada 20 kes (21.1%), dan lapan (8) kes (8.4%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di hospital COVID-19 sebanyak 751 unit, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam berjumlah 3,767 unit dan jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara pula 490 unit. Ini menjadikan jumlah kapasiti katil ialah 5,008 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 13.78%

B PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) DI SABAH

Kerajaan Negeri Sabah bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan berkuat kuasa 05 Mac sehingga 18 Mac 2021. Aktiviti rentas sempadan dibenarkan mengikut zon yang ditetapkan kecuali bagi daerah di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pembahagian Zon Daerah:

- i ZON 1: Kota Kinabalu, Kota Belud, Ranau, Tuaran, Penampang, Putatan dan Papar
- ii ZON 2: Beaufort, Kuala Penyu dan Sipitang.
- iii ZON 3: Kudat, Kota Marudu dan Pitas.
- iv ZON 4: Sandakan, Beluran, Kinabatangan dan Tongod.
- v ZON 5: Tawau, Semporna, Lahad Datu, Kunak dan Kalabakan.
- vi ZON 6: Keningau, Tambunan dan Tenom

C SOP PELAKSANAAN MAJLIS SOSIAL

Dibawah PKPP, Kerajaan Negeri juga bersetuju membenarkan Majlis Rasmi dan Tidak Rasmi Kerajaan dan swasta, majlis sosial seperti kenduri-kendara, majlis perkahwinan / pertunangan, resepsi, majlis akikah, doa selamat, tahlil, sambutan ulang tahun, sambutan hari kelahiran, *reunion*, *retreat* dan lain-lain majlis sosial tertakluk kepada 50% kapasiiti ruang premis dengan mematuhi penjarakan fizikal, mewajibkan pemakaian pelitup muka dan mengikut SOP yang ditetapkan.

D AKTIVITI *BARTER TRADE* DAN *TRANSHIPMENT*

Kerajaan Negeri bersetuju membenarkan aktiviti *Barter Trade* dan *Transhipment* melibatkan pergerakan kapal *Non-Conventional Ship (NCS)* dari Indonesia dan Filipina. Kenyataan media YAB Ketua Menteri Sabah berkaitan perkara ini seperti **LAMPIRAN A**

E BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Sehingga 03 Mac 2021, sejumlah **280,923** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan dibawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

F LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS*

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 49 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 40,846 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, enam (6) buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, tiada tangkapan dibuat namun 13 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 65 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang melibatkan sebanyak 61 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 39 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Pada hari ini, satu (1) tangkapan dilakukan di bawah Enakmen Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah 2002.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan rondaan pemantauan pematuhan SOP peringkat komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) telah dilaksanakan di 440 lokasi melibatkan seramai 163 anggota APM dan 76 anggota RELA.
- 4 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tujuh (7) premis, melibatkan lima (5) buah daerah iaitu daerah Keningau, Sook, Papar, Sandakan dan Semporna.
- 5 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu, pelan Imunisasi COVID-19 dan Proklamasi Darurat telah dilaksanakan di 119 lokasi melibatkan 16 daerah. Hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Inggeris dan pelbagai bahasa etnik Sabah.

- 6 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 156 hebahan di seluruh Sabah.

G KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **94.38%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	96%
2	Kudat	95%
3	Semporna	95%
4	Tenom	95%
5	Kinabatangan	95%
6	Beluran	95%
7	Beaufort	95%
8	Ranau	94.5%
9	Papar	94%
10	Tuaran	94%
11	Kota Belud	94%
12	Kunak	94%
13	Kota Marudu	94%
14	Penampang	94%
15	Kota Kinabalu	94%
16	Lahad Datu	94%
17	Tawau	93%
18	Sandakan	93%
19	Keningau	93%

- 2** Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.

#kitajagakita #normabaharu

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
03 Mac 2021**

LAMPIRAN A



PENGGUNAAN KAPAL NON-CONVENTION SHIP BAGI AKTIVITI BARTER TRADE DAN TRANSHIPMENT

Aktiviti *Barter Trade* dan *Transhipment* merupakan salah satu aktiviti yang menyumbang kepada ekonomi negeri Sabah. Aktiviti ekonomi *Barter Trade* dan *Transhipment* pada umumnya menggunakan mod pengangkutan kapal *Non-Convention Ship* (*NCS*) / kumpit bagi membawa barang dari Sabah ke Filipina dan Indonesia serta sebaliknya.

Bagi membendung penularan jangkitan COVID-19 dari luar negara, penggunaan kapal *NCS* / kumpit bagi aktiviti ekonomi *Barter Trade* dan *Transhipment* ini telah digantung seketika sejak Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) Seluruh Sabah dikuatkuasakan pada 13 Oktober 2020. Dalam tempoh ini hanya kapal *Convention Ship* sahaja dibenarkan untuk meneruskan aktiviti perniagaan di bawah aktiviti *transhipment*. Walau bagaimanapun, peniaga-peniaga yang terlibat dalam aktiviti ekonomi ini berdepan kesukaran untuk menggunakan kapal *Convention Ship* bagi aktiviti ini memandangkan pelabuhan-pelabuhan di Selatan Filipina tidak mempunyai kemudahan untuk kapal-kapal *Convention Ship*.

Setelah melalui penilaian dan pertimbangan daripada agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri di Sabah melalui Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (JKKN) Sabah Bil.3/2021 yang bermesyuarat pada 02 Mac 2021 (Selasa), Kerajaan Negeri bersetuju membenarkan pergerakan kapal-kapal *NCS*/ kumpit Indonesia dan Filipina yang memasuki perairan ESSZONE, Sabah dan semua kapal *NCS* Malaysia dari perairan ESSZONE ke Filipina dan Indonesia bagi aktiviti *Barter Trade* dan *Transhipment* bermula 05 Mac 2021 (Jumaat). Semua pemain ekonomi dalam sektor ini hendaklah sentiasa mematuhi SOP yang ketat bagi mengelakkan wujudnya kluster-kluster baharu kelak.

Semua pemain ekonomi dalam sektor ini hendaklah memastikan:

- i. Semua kru kapal bebas daripada jangkitan COVID-19.
- ii. Semua kru tidak dibenarkan turun ke daratan dan proses pemunggahan hendaklah dilakukan oleh syarikat tempatan.
- iii. Semua kapal yang masuk dan keluar hendaklah melalui *designated road* yang telah ditetapkan.
- iv. Mematuhi SOP, peraturan serta perundangan yang sedang berkuatkuasa.

Adalah diharapkan dengan kebenaran ini, para peniaga dan pengusaha yang terlibat dalam ekonomi *Barter Trade* dan *Transhipment* dapat kembali bangkit dan menyumbang kepada ekonomi negeri Sabah. Sentiasa patuh pada SOP yang ditetapkan, agar selain daripada bangkit daripada ekonomi, kita juga dapat memutuskan penularan COVID-19 di negeri ini.

**YAB KETUA MENTERI SABAH
2 MAC 2021
“SABAH MAJU JAYA”**